

THE INFLUENCE OF SOCIAL MEDIA TOWARDS GRAMMAR ERROR IN STANDARD FIVE STUDENT'S ESSAY WRITING

PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP KESALAHAN TATABAHASA DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU MURID TAHUN LIMA

Farizah Hashim¹

Adenan Ayob²

Mohd Rosli Saludin³

^{1,2,3} Universiti Pendidikan Sultan Idris

Email: farizahhashim@ymail.com

Accepted date: 26 March 2018

Published date: 10 April 2018

To cite this document:

Hashim, F., Ayob, A., & Saludin, M. R. (2018). Pengaruh Media Sosial Terhadap Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Lima. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7), 53-76.

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid tahun lima. Kaedah tinjauan berasaskan soal selidik digunakan untuk mengenal pasti pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan serta mengenal pasti cara guru mengatasi kesalahan berkenaan. Seramai 35 orang responden terdiri daripada guru bahasa Melayu di Daerah Kuala Pilah telah dipilih untuk menjawab soal selidik. Reka bentuk kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan untuk memperoleh data adalah menerusi soal selidik. Data dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti skor min pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima dan mengenal pasti skor min terhadap cara yang dikenal pasti untuk mengatasi pengaruh tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa bagi penulisan murid tahun lima. Dapatkan juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam cara mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima. Implikasi kajian ini membolehkan murid dan guru melalui proses pengajaran dan pemudahcaraan yang selari dengan perkembangan teknologi terkini tetapi tetap mempunyai kesedaran untuk memartabatkan bahasa Melayu hasil kerjasama semua pihak. Kajian lanjutan yang boleh dicadangkan sebagai kesinambungan daripada tajuk ini adalah dengan mengkaji pengaruh media sosial terhadap aspek sintaksis dalam penulisan karangan murid tahun lima di Negeri Sembilan. Sampel yang lebih besar akan memberikan gambaran sebenar yang berkaitan pengaruh media sosial terhadap penulisan karangan.

Kata kunci: Media sosial, Kesalahan tatabahasa, Penulisan karangan, Bahasa Melayu.

Abstract: This study aims to examine the influence of social media on grammatical errors in the writing of standard five students Malay language students. The questionnaire was used to identify teachers' opinions based on the influence of social media on grammatical errors in writing and to identify the way teachers overcome these errors. A total of 35 respondents from Malay language teachers in Kuala Pilah district were selected to answer the questionnaire. Quantitative designs have been used in this study. The instrument used to obtain the data was through the questionnaire. The data were analyzed using descriptive analysis to identify the mean score of the teachers' opinion based on the influence of social media on the grammatical error in the writing of the five year writing essay and identify the mean score on the way identified for the influence. The findings show that there is a significant difference in identifying the influence of social media on grammatical errors in the writing of standard five students. The final findings show that there is a significant difference in identifying how to overcome the influence of social media on grammatical errors in the writing of a five-year student essay. The implication of this study allows students and teachers through the teaching and facilitating process in tandem with the latest technological developments but still have the awareness to uphold the Malay language of the cooperation of all parties. Further research that can be suggested as a continuation of this topic is to examine the influence of social media on the syntactic aspects of the standard five students writing in Negeri Sembilan. The larger sample will give a real picture of the influence of social media on writing essay.

Keywords: Social media, Grammar error, Essay writing, Malay Language.

Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia merupakan asas untuk membangunkan negara dan menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Perkembangan pendidikan di Malaysia telah melalui banyak perubahan dan cabaran seiring dengan arus globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Dalam kerancakkan kita untuk mempelbagaikan peralatan dan kegunaan teknologi maklumat, kita terlupa kesan penggunaannya terhadap bahasa Melayu. Penciptaan telefon bimbit revolusi terkini membolehkan pengguna menghantar mesej dengan keupayaan e-mel dan internet, merupakan teknologi yang menuntut supaya dalam perhubungan antara pengguna peralatan tersebut. Bahasa yang digunakan biasanya lebih ringkas, disingkatkan ejaan dan celaru daripada aspek tatabahasanya. Hal ini tanpa kita sedar membawa kesan terhadap kualiti komunikasi sama ada secara lisan atau tulisan terhadap masyarakat khususnya pelajar, sama ada di peringkat rendah atau menengah.

Fenomena pencemaran bahasa melalui sms ataupun aplikasi perhubungan yang lain dan ruang sembang (chat room) di Internet seperti *Facebook*, *Twitter* dan lain-lain seolah sudah menjadi satu perkara biasa kepada pengamal media berkenaan (Siti Ezaileila Mustafa & Azizah Hamzah, 2011). Perkara ini perlu dipandang serius bagi memastikan bahasa Melayu terus dipelihara utuh. Kaedah dan amalan pengajaran perlu diubahsuai selari dengan perkembangan terkini. Selain itu, faktor-faktor yang membawa kepada kemerosotan kualiti komunikasi yang berlaku sama ada dalam bentuk lisan atau penulisan perlu dikenalpasti untuk merangka tindakan selanjutnya yang boleh diambil dan diberi tumpuan khususnya oleh golongan pendidik. Antara cabaran utama yang berkait rapat dengan arus globalisasi adalah mengekalkan jati diri murid. Ini adalah berpunca daripada pengaruh media baharu yang berkembang pantas yang membawa pelbagai kesan.

Dalam aspek yang lebih formal, kecelaruan dan kegagalan murid dalam menggunakan bahasa Melayu yang tepat dan santun dapat dilihat dalam penghasilan karangan. Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar untuk diajarkan dan dikuasai oleh murid. Dalam aspek pengajaran secara formal yang berlaku di dalam kelas, kemahiran menulis perlu diberi penekanan oleh guru untuk melahirkan murid yang mampu untuk menyampaikan buah fikiran dan dapat berkomunikasi secara berkesan dengan masyarakat. Menurut Zaliza Mohamad Nasir (2017), aspek yang paling ketara dalam kemahiran menulis yang sering menjadi punca kegagalan murid untuk menghasilkan karangan yang mantap ialah tanda baca, penggunaan imbuhan, ejaan dan struktur ayat yang betul.

Penggunaan simbol, kod dan perkataan singkatan sering berlaku dalam sistem pesanan ringkas (SMS). Tujuan penggunaan singkatan perkataan, lambang, angka atau kod tertentu adalah untuk menggantikan maksud sebenar. Hal ini berlaku disebabkan ruang yang disediakan cukup terhad. Ada kalanya ayat yang ditulis bercampur aduk antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, bergantung kepada perkataan mana lebih pendek supaya maksud yang hendak disampaikan difahami oleh penerima dalam ruang terhad itu.

Pernyataan Masalah

Media sosial merupakan medium yang menjadi pilihan utama semua lapisan masyarakat untuk berinteraksi pada zaman ini. Fenomena komunikasi dunia tanpa sempadan berpaksikan Internet sudah sebatи dalam setiap lapisan umur. Menurut Fatimah Akmal dan Ali Salman (2015), hal ini berlaku selaras dengan perkembangan pesat proses komunikasi global yang telah membentuk masyarakat dalam cara baharu untuk berkomunikasi dan menerima proses komunikasi yang berbeza khususnya yang melibatkan penggunaan media sosial. Lantaran kepesatan perubahan corak komunikasi, timbul isu yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu yang celaru yang diamalkan oleh pengamal media sosial khususnya murid sekolah.

Kecelaruan penggunaan bahasa mereka yang berpunca daripada media sosial dikhuatiri menjelaskan aspek tatabahasa dalam penulisan karangan murid. Pengaruh media sosial terhadap aspek tatabahasa dalam penulisan karangan murid perlu dikenal pasti bagi mengelakkan pengaruh media sosial terhadap aspek bahasa menjadi semakin buruk. Menurut Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim & Noor Aida Mahmor (2016), kewujudan pelbagai saluran komunikasi telah menyebabkan masyarakat bebas bersuara tanpa memikirkan etika dan kesantunan berbahasa. Penggunaan bahasa rojak, bahasa slanga dan percampuran dengan bahasa Inggeris yang digunakan dalam media sosial dengan meluas dikhuatiri membawa kesan terhadap cara berbahasa di alam realiti.

Daripada pandangan yang dikemukakan oleh pengkaji tersebut, jelas menunjukkan bahawa isu yang berlaku wajar diselidiki dari sudut pengaruh yang pelbagai, selain merangka langkah ke arah penyelesaian. Justeru, kajian ini cuba mengkaji pengaruh media sosial terhadap aspek tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima. Kaedah soal selidik telah digunakan dalam penyelidikan yang berdasarkan reka bentuk kuantitatif. Sampel kajian ini pula melibatkan guru bahasa Melayu yang mengajar murid tahun lima.

Kegagalan murid memperoleh markah yang cemerlang perlu diberi tumpuan agar perkara ini dapat ditemukan jalan penyelesaian dan murid dapat dibantu untuk mencapai keputusan yang lebih baik dalam setiap peperiksaan awam. Matlamat untuk jangka masa panjang, keutuhan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi akan terus terpelihara oleh generasi muda pada hari ini. Selain itu, analisis keputusan UPSR yang

dikeluarkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah, telah mencatatkan pencapaian yang tidak konsisten dari tahun 2013 hingga 2015 dalam pencapaian Bahasa Melayu Penulisan (012).

Daripada analisis keputusan pencapaian UPSR (2015) yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah, menunjukkan pencapaian Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan (012) telah menunjukkan berlaku penurunan gred daripada 1.62 kepada 1.82 pada tahun 2015. Lantaran itu, penyelidik ingin melihat secara lebih mendalam faktor yang menyebabkan kemerosotan ini berlaku. Selain itu, penyelidik juga membuat pemerhatian berdasarkan kualiti karangan yang dihasilkan oleh murid di sekolah sendiri. Terdapat kesalahan-kesalahan yang hampir serupa dilakukan secara berulang oleh murid. Ini memberikan gambaran awal bahawa terdapat faktor luaran yang menyebabkan perkara ini terjadi.

Peratus bilangan murid yang memperoleh gred A antara tahun 2013 sehingga 2015 tidak konsisten dan pada tahun 2015, mencatatkan peratus terendah antara tiga tahun berkenaan. Peratus murid yang menguasai mata pelajaran ini iaitu yang memperoleh gred A,B dan C mencatatkan penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ini jelas memberi gambaran kepada kita bahawa murid tidak dapat menguasai kemahiran yang sewajarnya perlu dikuasai bagi membolehkan murid memperoleh keputusan yang lebih baik. Dalam penulisan, selain penguasaan format, aspek tatabahasa sememangnya menjadi aspek terpenting dalam menghasilkan ayat yang gramatis bagi memastikan murid mampu memperoleh markah yang cemerlang berdasarkan skema yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan.

Banyak faktor yang menjadi penyebab berlakunya kemerosotan pencapaian ini. Faktor yang berpunca daripada kegagalan murid menghasilkan ayat yang gramatis tidak dapat dinafikan mempunyai kaitan dengan penggunaan bahasa yang celaru di media-media sosial. Murid sememangnya sangat sinonim dengan penggunaan media berkenaan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas apabila penelitian terhadap hasil penulisan karangan murid sering ditemui penggunaan ayat-ayat yang ringkas dan tidak menggunakan hukum tatabahasa yang betul. Hal ini sudah pasti membawa kesan kepada pemarkahan yang diberi kepada murid.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima.
- ii. Mengenal pasti cara guru mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima.

Soalan Kajian

Sejajar dengan tiga objektif utama kajian ini, maka lima soalan kajian telah dikemukakan iaitu:

- i. Apakah skor min pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap penulisan karangan murid tahun lima?

- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam mengenal pasti pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap penulisan karangan murid tahun lima?
- iii. Apakah skor min cara yang dikenal pasti oleh guru untuk mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam mengenal pasti cara guru mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima?

Hipotesis Kajian

Hipotesis nol: Terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pandangan guru dalam mengenal pasti pengaruh media sosial terhadap penulisan karangan murid tahun lima.

Hipotesis penyelidikan: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pandangan guru dalam mengenal pasti pengaruh media sosial terhadap penulisan karangan murid tahun lima.

Hipotesis nol: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam mengenal pasti cara guru mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima.

Hipotesis nol: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam mengenal pasti cara guru mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima.

Kerangka Teori


Setiap penyelidikan yang dijalankan perlu disokong dengan teori yang tepat supaya dapat dijadikan landasan dalam kajian yang dijalankan bagi menjelaskan fenomena-fenomena yang berlaku. Dalam kajian yang dijalankan ini, penyelidik telah memilih Teori Interaksionalis sebagai asas dalam penyelidikan ini. Antara tokoh yang menerajui teori ini ialah Bloom (1968), Bowennam (1973 & 1976) dan Cromer (1976). Ahli-ahli teori ini berpendapat bahawa kebolehan kognitif sahaja tidak dapat menjelaskan pemerolehan bahasa kerana perkembangan kognitif hanya melengkapkan seorang kanak-kanak dengan kebolehan mentafsir makna, tetapi pentaksiran ini tidak boleh dilahirkan dalam bentuk bahasa (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012).

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Snow (1972 & 1977), Ringler dan rakan-rakan (1978), telah membuktikan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah hasil daripada interaksi penjaga atau ahli masyarakat dengan kanak-kanak. Terdapat banyak faktor yang boleh dipertimbangkan yang berperanan dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak. Menurut Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad (2012), faktor-faktor seperti persekitaran sosial, kematangan, biologi dan kognitif memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak.

Faktor-faktor tersebut saling berinteraksi lalu melakukan penyesuaian antara satu sama lain. Kanak-kanak perlu didedahkan kepada interaksi linguistik supaya mereka dapat mempelajari cara-cara menggambarkan makna-makna kognitif dalam bentuk-bentuk bahasa tepat (Nik Hassan Basri, 2009). Menurut Nik Hassan Basri (2009) lagi, antara kesimpulan daripada teori ini yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah:

- i. Pembelajaran bahasa ialah proses mental dan linguistik.
- ii. Dalam sesuatu interaksi bahasa, penyampaian makna boleh diutamakan daripada struktur bahasa.
- iii. Struktur bahasa dapat dikuasai dengan cara yang lebih berkesan jika murid-murid menumpukan perhatian terhadap tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti yang bermakna.
- iv. Pembelajaran ialah satu proses yang aktif. Sesuatu pengetahuan tidak akan diterima secara terus tetapi akan di proses dahulu. Pengetahuan baru haruslah dapat disesuaikan dengan pengetahuan sedia ada agar dapat diterima dengan berkesan.
- v. Proses pembelajaran berlaku dalam beberapa cara mengikut keadaan dan masa tertentu misalnya sesuatu hal itu mungkin mudah diterima, sekiranya ada kaitannya dengan perkara yang menggembirakan.
- vi. Pembelajaran berlaku sekiranya sesuatu yang disampaikan itu mempunyai makna, dan hubungan dengan pengalaman sedia ada.
- vii. Antara pengajaran dan pembelajaran tidak ada hubungan secara langsung.
- viii. Pembelajaran tidak boleh disamakan dengan pengajaran. Sesuatu yang diajar tidak semestinya dapat dipelajari. Itulah sebabnya guru harus memahami strategi pembelajaran murid untuk menimbulkan suasana pembelajaran yang berkesan.
- ix. Pembelajaran melibatkan perasaan, dan berkait rapat dengan emosi seseorang.
- x. Peranan pelajar haruslah dijaga agar timbul rasa yakin terhadap diri sendiri.
- xi. Pembelajaran juga melibatkan pemikiran. Pengetahuan, kecerdasan dan kebolehan dalam bahasa saling berkaitan.
- xii. Pembelajaran berlaku sedikit demi sedikit, iaitu dari sudut kuantiti dan masa. Ada antaranya dapat dipelajari dengan banyak dalam masa yang pendek atau sebaliknya. Oleh itu, guru tidak seharusnya membuat kesimpulan bahawa tiap tiap yang diajar dapat dipelajari terus dalam masa yang ditetapkan.

Menurut Noor Aina Dani (2007), golongan interaksionalis didapati telah bekerjasama dengan mengambil jalan tengah antara Teori Behaviorisme dengan Teori Mentalis. Mereka menyatakan bahawa faktor luaran dan faktor bawaan semula jadi memainkan fungsi yang seimbang dan sama penting dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Manusia dapat bertindak balas secara peka terhadap pengalaman. Dengan cara ini, mereka dapat mengukuhkan kepercayaan mereka terhadap persekitaran mereka. Penyelidik telah mengolah disiplin penggunaan dan penjanaan Teori Interaksionalis berdasarkan tajuk penyelidikan yang dijalankan. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini



Rajah 1: Kerangka Teoretikal Kajian



Rajah 2: Kesalahan Penggunaan Bahasa di Media Sosial

Rajah 2 menunjukkan contoh komunikasi yang berlaku dalam media sosial yang jelas menunjukkan terdapat kesalahan ejaan, tanda baca, struktur ayat dan pengaruh dialek daerah. Ada juga percampuran istilah dengan bahasa asing dalam komunikasi yang berlaku. Inilah realiti yang berlaku dalam komunikasi dalam alam siber yang sudah sebatas dalam kehidupan masyarakat kita hari ini.

Kualiti bahasa Melayu yang diamalkan oleh murid semakin menurun sekiranya penggunaan bahasa rojak dan istilah-istilah remaja tidak dibendung penggunaanya. Pelbagai istilah yang kurang tepat yang disogokkan kepada mereka setiap hari akan menimbulkan kekeliruan. Murid terbawa-bawa untuk menggunakan bahasa yang kurang tepat dalam perbualan dan penulisan di sekolah. Gaya penulisan yang tidak menerapkan penggunaan tatabahasa yang tepat sudah pasti membawa kesan kepada setiap lapisan masyarakat. Kebiasaan yang wujud akan diserap masuk semasa menghasilkan penulisan akademik di sekolah. Ini merupakan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemerosotan

pencapaian penulisan karangan murid yang dibincangkan sebelum ini. Hal ini bukan sahaja menyebabkan kualiti penulisan menurun, malah pengetahuan terhadap bahasa Melayu turut terjejas.

Definisi Operasional

Penyelidik akan memberikan penghuraian kepada beberapa frasa yang terdapat dalam tajuk kajian supaya tidak mengelirukan pembaca yang berkemungkinan mempunyai maksud lain seperti yang dipersepsikan oleh penyelidik.

Pengaruh Media Sosial

Perkembangan teknologi dan informasi yang sangat pesat mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan situasi global saat ini. Pengaruh didefinisikan sebagai pemikiran yang diubah oleh suasana tertentu (Ab. Halim & Zarin, 2006). Daripada pengertian berkenaan, pengaruh boleh ditafsirkan sebagai sesuatu daya yang dapat membentuk atau mengubah sesuatu yang lain. Pengaruh adalah suatu keadaan hubungan timbal balik, atau hubungan dua hala. Pengertian pengaruh menurut (Bakir S. , 2006), ialah daya yang timbul dari sesuatu barang atau benda yang akan membentuk watak, kepercayaan atau perbuatan seseorang. Dari sudut pandangan yang lain, pengaruh adalah berupa daya yang dapat memacu sesuatu, menjadikan sesuatu berubah. Maka jika salah satu yang disebut pengaruh tersebut berubah, maka akan ada akibat yang ditimbulkannya.

Menurut Anang Sugeng Cahyono (2016), media sosial membawa erti, instrumen sosial dalam berkomunikasi. Media sosial adalah sebuah media online dan penggunanya dengan mudah boleh berkomunikasi dengan cara atau melalui blog-blog, wiki, forum dan rangkaian sosial seperti *Facebook, Twitter, Myspace* dan banyak lagi. Rangkaian sosial adalah kaedah yang sering digunakan oleh masyarakat di seluruh dunia untuk berhubung antara satu dengan yang lain tanpa batasan jarak dan masa. Media tradisional seperti surat khabar atau televisyen memberi limitasi kepada para pengguna kerana para pengguna sukar untuk memberi pendapat atau pandangan bebas terhadap sesuatu perkara yang disiarkan. Dengan adanya media sosial, para pengguna dengan mudah dapat melontarkan pendapat masing-masing dan dapat berkomunikasi ke seluruh dunia tanpa halangan.

Media sosial ditakrifkan sebagai sekumpulan aplikasi Internet yang dibina berdasarkan ideologi dan teknik Web 2.0 yang membenarkan penghasilan dan perkongsian bahan-bahan yang dijana oleh pengguna (Kaplan & Haenlein, 2010). Kepesatan perkembangan media sosial juga mula tampak menggantikan peranan media massa konvensional dalam menyebarkan berita-berita. Masyarakat hari ini tanpa mengira lapisan umur telah menjadikan media sosial sebagai satu medium komunikasi yang begitu penting dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Ahli-ahli Teori Interaksionalis bersetuju bahawa persekitaran luaran antara elemen penting dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Penggunaan media sosial yang meluas dalam kalangan murid boleh dianggap sebagai faktor luaran yang menimbulkan impak yang besar kepada tahap penguasaan tatabahasa dalam penulisan murid. Proses pengutipan data yang dilakukan adalah selari dengan unsur yang terkandung dalam teori ini. Soal selidik yang diberikan kepada 35 orang guru ada menyentuh soalan-soalan yang berkisar tentang pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan murid yang dapat diperhatikan oleh guru. Berdasarkan definisi yang diberikan oleh tokoh-tokoh di atas dan prinsip yang menjadi pegangan kepada Teori Interaksionalis, jelas bahawa pengaruh media sosial

merupakan daya pemikiran yang berubah berdasarkan perkembangan aplikasi media baharu yang berteraskan Internet.

Media sosial merupakan pengaruh faktor luaran seperti yang dikenal pasti mampu mempengaruhi bahasa murid yang akhirnya membawa kesan yang negatif terhadap kualiti corak komunikasi masa kini. Kesan yang dibawa oleh media perlu dapat dikawal supaya tidak menjelaskan bahasa Melayu. Jika penulisan karangan yang dihasilkan mengandungi bahasa yang digunakan semasa berkomunikasi di media-media sosial, sudah pasti markah yang tidak memuaskan akan diperoleh apabila guru membuat semakan dan menilai hasil karangan berkenaan.

Kepesatan perkembangan media dapat melahirkan sebuah masyarakat yang bermaklumat dan berpengetahuan dalam menilai mesej yang baik atau buruk yang disalurkan oleh media. Bimbingan dan pemantauan ibu bapa dan guru dalam memberi ruang media yang sesuai diharap dapat memberikan kesan baik kepada pengguna media di samping dapat menolak gejala yang tidak sihat menular dengan cepat bagi mempengaruhi kanak-kanak.

Kesalahan Tatabahasa


Kesalahan bahasa yang berlaku dalam komunikasi secara lisan atau tulisan bukan isu baru malah telah lama dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Cabaran menangani isu ini semakin kritikal kesan daripada pengaruh media yang melanda setiap pelosok dunia. Konsep kesalahan bahasa ialah penggunaan bahasa yang melanggar peraturan bahasa sama ada ejaan, perkataan, susunan frasa atau ayat, (Azliana Abd Rahman, 2013). Kesalahan tatabahasa boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu kesalahan ejaan, kesalahan morfologi, kesalahan sintaksis dan kesalahan tanda baca. Tatabahasa dalam Bahasa Melayu mencakupi dua bidang, iaitu morfologi dan sintaksis (Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim Hj., 2004)

Menurut golongan Interaksionalis, struktur bahasa dapat dikuasai dengan cara yang lebih berkesan jika murid menumpukan perhatian terhadap tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti yang bermakna. Dalam soal selidik yang dikemukakan kepada responden, terdapat pernyataan yang menjurus dan menguji berkaitan tugas-tugas dan aktiviti yang bermakna yang boleh dilakukan oleh murid untuk meningkatkan dan menarik minat murid untuk meningkatkan tahap penguasaan tatabahasa murid. Tatabahasa berfungsi untuk memisahkan bentuk ayat yang gramatis dengan bentuk yang tidak gramatis. Ukurannya tidak berasaskan himpunan ujaran, kriteria makna atau darjah penggunaannya tetapi berasaskan bentuk ujaran dan ketepatan maknanya.

Tatabahasa amat penting dalam memastikan penghuraian ayat yang sempurna. Oleh itu, tatabahasa tidak boleh dianggap remeh dan diubah secara arbitrari. Tatabahasa menjadi asas untuk pelahiran bahasa yang indah dan difahami pengguna. Dengan itu, bahasa dapat dieksplorasi untuk mewujudkan gaya dan laras bahasa yang tersendiri. Rumusan yang boleh dibuat untuk menjelaskan konsep berdasarkan pendapat pengkaji sebelum ini, tatabahasa ialah ilmu yang membicarakan aturan, kaedah atau sistem yang umum yang meliputi bidang morfologi dan sintaksis, yang bersifat nalar (pertimbangan tentang baik buruk) dalam sesuatu bahasa.

Morfologi pula ialah ilmu yang mengkaji struktur, bentuk, dan golongan kata, serta cara perkataan diwujudkan daripada bunyi bahasa dan pengaruhnya terhadap makna. Sintaksis ialah ilmu yang mengkaji proses pembinaan ayat, cara perkataan itu disusun menjadi ayat dan

hubungan antara kata dalam ayat, iaitu dalam membentuk frasa, klausa dan ayat. Rajah 1.3 menunjukkan konsep tatabahasa.



Rajah 3: Konsep Tatabahasa

Berdasarkan Rajah 3, unit tatabahasa terkecil yang bermakna ialah morfem. Diikuti dengan pembentukan kata. Kata terhasil daripada morfem atau gabungan morfem yang berstatus ayat atau ujaran. Seterusnya ialah peringkat pembentukan frasa. Kata merupakan unit yang membentuk sintaksis. Peringkat seterusnya sebelum ayat ialah pembentukan klausa. Unit tatabahasa tertinggi ialah ayat. Ayat merupakan ungkapan pemikiran yang lengkap, intonasi yang sempurna, dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan serta mempunyai subjek dan predikat.

Penulisan Karangan

Setiap individu mempunyai pelbagai cara untuk melahirkan perasaan dan pendapat. Ada yang selesa untuk melahirkan perasaan dalam bentuk komunikasi secara lisan. Ada pula yang lebih selesa untuk melahirkan idea atau pandangan dalam bentuk penulisan. Jika dilihat dalam situasi lebih formal, penulisan merupakan elemen penting yang perlu dipelajari bermula dari sekolah rendah hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Pemahaman mudah untuk menjelaskan kemahiran menulis ialah proses dan perlakuan yang menggunakan pen, pensel atau sebarang alat tulis bagi menulis atau menaip sebarang idea mahupun pernyataan. Namun begitu, definisi ini begitu umum dan bersifat mekanikal. Definisi menulis menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah mencatat kata-kata dengan huruf dan memakai pena seperti kalam, kapur, pensel dan lain-lain.

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang tinggi dan memerlukan seseorang penulis itu berpengetahuan dalam banyak aspek seperti penguasaan tatabahasa, laras bahasa yang betul dan sebagainya. Secara khusus, konsep menulis dapat dikaitkan dengan proses

penyaluran ilmu, idea atau maklumat secara bersistem yang mengambil kira aspek tujuan menulis, penggunaan bahasa, audiens dan gaya penulisan supaya dapat menggambarkan keadaan, alam dan kehidupan secara lebih menyeluruh. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun Lima (2014), kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman pribadi yang telah dilalui.

Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik. Menurut Awang Sariyan (1991), beliau telah mendefinisikan penulisan sebagai pengolahan gagasan atau pemikiran dan juga proses mekanis yang melibatkan penguasaan alat dan teknik untuk mengungkapkan gagasan atau pemikiran. Menulis merupakan kemahiran yang tidak mudah untuk dikuasai. Kemahiran menulis melibatkan kemahiran menganalisis cetusan fikiran, penyusunan fakta dan penghuraian kepada bentuk wacana yang lebih jelas. Penulisan merupakan cara untuk berkomunikasi dan melahirkan pendapat.

Menurut Za'ba (1965), penulisan adalah pekerjaan penyusunan perkataan dengan susunan yang elok kerana menghalakan atau merupakan sesuatu fikiran hati atau sesuatu kisah cerita supaya dapat difahamkan oleh orang lain apabila didengar atau dibaca. Menurut (Woolston, Robinson & Kutzbach , 1988) pula menyatakan penulisan dapat ditakrifkan sebagai proses untuk mereka bentuk sesuatu dokumen yang menepati sesuatu kehendak dan menentukan bahawa penulisan tersebut menepati sesuatu fungsi yang dihasratkan oleh penulis. Berdasarkan pendapat-pendapat tokoh berkenaan, dapat disimpulkan bahawa penulisan karangan merupakan satu aktiviti sosial kerana murid perlu menguasai format atau bentuk penulisan yang ingin disampaikan yang melibatkan pengolahan minda dan perasaan. Penulisan karangan juga merupakan rentetan usaha menyalurkan pemikiran, pemahaman dan perasaan penulis. Penulisan juga merupakan satu hasil yang dibaca, ditafsir dan difahami yang mungkin boleh menimbulkan tindak balas daripada pembaca yang berkecimpung dalam bidang ilmu berkenaan.

Sorotan Literatur

Pengaruh Media Sosial terhadap Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan Karangan Mengikut Perspektif Pengkaji di Malaysia

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana berhubung perkembangan media sosial serta kesannya kepada bahasa Melayu. Penulisan jurnal yang dihasilkan oleh Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin (2017) dari Universiti Utara Malaysia yang bertajuk ‘Kata Ciptaan’ Remaja Personaliti ‘Neurotisme’ di Blog dilihat mempunyai kaitan dengan tajuk ini. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin (2017) bertujuan untuk melihat penggunaan ‘kata ciptaan’ oleh remaja yang berkomunikasi menggunakan penulisan teks di Internet dalam kecenderungan personaliti neurotisme. Kajian ini telah menganalisis dua blog remaja yang aktif menulis kiriman blog sepanjang tahun 2012 sahaja.

Analisis kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan mengaplikasikan *Teori Big Five Personality* oleh McCrae dan Costa (1997). Dalam teori ini, terdapat lima kecenderungan personaliti tetapi fokus kajian tertumpu kepada *neurotisme*. Hasil kajian ini menunjukkan

wujudnya kata-kata ciptaan yang digunakan dalam teks kiriman blog oleh kedua-dua responden. Penggunaan kata-kata ciptaan yang berlaku dalam kiriman blog ini berlaku disebabkan pengaruh emosi terhadap remaja ketika berkomunikasi dalam blog. Teks yang berhasil itu difahami oleh golongan remaja sahaja dan pemilihan perkataan juga berlainan daripada makna sebenarnya.

Sorotan seterusnya adalah berdasarkan penulisan jurnal yang telah dihasilkan oleh Nurul Aisyah Abdullah, Zamri bin Mahamod dan Nor Azwa Hanum binti Nor Shaid (2016). Penulisan ini merujuk kepada kajian yang bertajuk Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dan menggunakan satu set soal selidik sebagai alat instrumen kajian. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk melihat tahap nilai min kajian dan analisis inferensi menggunakan Ujian-t untuk mencari perbezaan. Seramai 400 orang pelajar tingkatan empat dari sekolah bandar dan luar bandar di sekitar daerah Manjung mengambil bahagian sebagai responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor utama yang mempengaruhi penulisan karangan pelajar secara keseluruhan adalah berada pada tahap sederhana (faktor pengajaran dan pembelajaran = min 2.62, faktor individu = min 2.34 dan faktor persekitaran = min 3.00).

Sa'adiah Ma'alip (2015) dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah menjalankan kajian yang bertajuk Pemilihan Bahasa Dalam Komunikasi di Laman Sosial. Kajian ini bertujuan meninjau pemilihan bahasa dalam komunikasi oleh pengguna laman sosial. Medium komunikasi yang diberikan tumpuan dalam kajian ini ialah laman sosial yang dapat diakses oleh pengguna internet. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dan menggunakan borang soal selidik sebagai instrument kajian. Hasil dapatan menunjukkan responden lebih suka memilih bahasa yang bersifat global seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu pula dipilih kerana statusnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan.

Dapatan menunjukkan bahawa responden kajian hanya menggunakan beberapa laman sosial untuk berkomunikasi dalam talian internet. *Facebook* merupakan laman sosial yang paling popular digunakan kerana telah menjadi pilihan utama responden iaitu sebanyak 53.9%. *Instagram* pula merupakan laman sosial kedua yang menjadi pilihan responden iaitu sebanyak 30.0% dan diikuti dengan *Twitter* sebanyak 15.6% dan *Friendster* sebanyak 0.6% sahaja. Setelah membaca dan menilai kajian yang pernah dijalankan oleh pengkaji terdahulu, boleh dibuat kesimpulan bahawa perkembangan teknologi maklumat yang begitu pantas kini membawa banyak perubahan ke dalam struktur kehidupan seluruh manusia sejagat.

Perubahan itu bukan sahaja berlaku kepada corak gaya hidup malah turut melibatkan pemikiran, komunikasi dan tingkah laku manusia. Kesan ledakan teknologi maklumat tidak dapat dinafikan banyak menyumbang ke arah perubahan corak komunikasi terkini. Kesalahan tatabahasa yang selama ini sering diabaikan perlu dipelajari dan diperkuuh bagi memastikan mereka tidak terus hanyut dengan gaya bahasa yang celaru sehingga menggugat jati diri bangsa Melayu.


Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Selain itu reka bentuk ini dapat memberi gambaran terhadap pandangan responden yang sebenarnya tentang kajian yang

dijalankan dan memastikan hasil dapatan adalah pengalaman mereka sendiri. Teori Interaksionalis merupakan teori yang digunakan sebagai pegangan utama dalam kajian ini. Disiplin pembelajaran berdasarkan Teori Interaksionalis dilihat begitu dominan dengan kajian yang dijalankan.

Ujian-t satu sampel telah dipilih untuk melihat hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang wujud dalam kajian. Teknik ini digunakan untuk menguji nilai tertentu yang berbeza secara signifikan atau tidak dengan rata-rata sebuah sampel. Rajah 3.1 menunjukkan ilustrasi aplikasi kaedah gabungan yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 4: Ilustrasi Aplikasi Kaedah Kuantitatif

Reka bentuk kajian kuantitatif digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan kesahan yang tinggi. Kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data telah digunakan bagi mendapatkan skor untuk mengenal pasti pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima. Soal selidik yang dibina terbahagi kepada tiga dimensi iaitu dimensi A untuk demografi, dimensi B berkaitan pandangan guru terhadap kesalahan dan kelemahan tatabahasa murid yang perlu dikenal pasti oleh guru manakala dimensi C berhubung cara mengatasi kesalahan atau kelemahan murid dalam penulisan karangan. Melalui kaedah tinjauan, skor bagi mendapatkan cara mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan turut dikenal pasti.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan. Pengkaji memilih menggunakan kaedah tinjauan kerana pelbagai jenis soalan boleh dikemukakan seperti berkaitan isu dan masalah yang dilihat daripada pelbagai perspektif khususnya yang berkaitan sikap, pandangan dan tingkah laku. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan soal selidik dalam kaedah tinjauan ini bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan. Kelebihan menggunakan kaedah tinjauan ini ialah jawapan subjek dapat dikumpulkan dengan pantas dalam masa yang singkat. Seterusnya, analisis data dapat segera dilaksanakan.

Dalam kajian ini, seramai 35 orang responden telah terlibat dalam menjawab soal selidik yang disediakan. Responden terdiri daripada guru bahasa Melayu Tahun Lima dari 35 buah sekolah dalam daerah Kuala Pilah. Taklimat telah dibuat oleh pengkaji sebelum responden menjawab soal selidik yang disediakan. Dengan cara ini, maklumat dapat dikutip daripada responden dalam masa yang singkat seterusnya pengkaji dapat menghuraikan fenomena yang dikaji dengan lebih terperinci. Dalam kaedah tinjauan ini, item soal selidik

yang dibina menggunakan data nominal dan ordinal untuk mengumpul maklumat demografi seperti jantina, umur, latar belakang pendidikan, bangsa, taraf perkahwinan dan tempoh perkhidmatan.

Kaedah tinjauan ini digunakan untuk mendapatkan skor dalam mengenal pasti pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima. Kaedah tinjauan ini juga digunakan untuk mengenal pasti cara mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan murid tahun lima. Kajian deskriptif amat sesuai dilakukan menggunakan kaedah tinjauan kerana konsep dapat dinyatakan dan diuraikan dengan menggunakan soal selidik.

Sampel dan Lokasi Kajian

Kajian ini telah dilakukan di daerah Kuala Pilah. Seramai 35 orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu tahun lima daripada 35 buah sekolah telah dipilih sebagai sampel kajian. Kesemua sampel kajian ini mewakili setiap sekolah kebangsaan yang terdapat dalam daerah Kuala Pilah. Pengkaji telah menggunakan prosedur persampelan kebarangkalian. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*).

Di bawah prosedur persampelan ini, pengkaji memilih subjek daripada populasi berdasarkan ciri-ciri tertentu. Dalam persampelan jenis ini, sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu telah dipilih sebagai responden kajian. Ciri-ciri subjek yang dipilih untuk kajian ini ialah guru bahasa Melayu yang mengajar bahasa Melayu tahun lima dalam daerah Kuala Pilah.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, soal selidik telah disediakan sebagai instrumen kajian. Dalam usaha mendapatkan skor pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap penulisan karangan murid tahun lima serta skor dalam mengenal pasti cara mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan murid tahun lima, satu set soal selidik telah ditadbir oleh pengkaji. Pengkaji telah memberikan borang soal selidik kepada 35 sampel yang dipilih. Soal selidik ini terbahagi kepada tiga dimensi iaitu dimensi A, berkaitan demografi, dimensi B mengandungi 15 pernyataan berhubung kesalahan atau kelemahan tatabahasa yang ditemui dalam karangan murid tahun lima.

Dimensi C pula ialah pernyataan yang berkaitan cara guru mengatasi kesalahan atau kelemahan tatabahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid tahun lima. Pengkaji hanya menyediakan 30 soalan yang perlu dijawab menggunakan skala Likert empat poin. Skala Likert yang dibina adalah berdasarkan beberapa langkah yang telah dipatuhi oleh pengkaji. Langkah pertama yang dilakukan oleh pengkaji ialah menghasilkan item-item cadangan. Item-item cadangan ini dapat dibina hasil rujukan kepada beberapa contoh soal selidik yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu dalam bidang yang berkaitan. Item berkenaan diubahsuai berdasarkan teori yang digunakan dalam kajian ini serta berdasarkan kefahaman pengkaji sendiri tentang konsep yang ingin diukur.

Pengkaji juga turut mendapatkan bantuan daripada pensyarah yang mahir dalam pembinaan item soal selidik ini. Selain itu, pengesahan serta semakan daripada seorang Guru Cemerlang Bahasa Melayu daerah Kuala Pilah turut dilakukan. Item soal selidik yang dibina adalah konsisten kerana semua item berbentuk pernyataan. Pengkaji berusaha memastikan

penggunaan Skala Likert yang konsisten bagi mengurangkan ralat pengukuran. Pengkaji juga tidak menggunakan perkataan negatif untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan. Pengkaji menyediakan item maksimum sebanyak 30 item bagi mengelakkan kebosanan responden ketika menjawab soal selidik yang disediakan. Menurut Chua Yan Piaw (2014), responden hanya dapat menumpukan perhatian kepada soal selidik selama 10-20 minit sahaja.

Analisis Data

Kajian ini menggunakan reka bentuk gabungan kuantitatif. Data yang diperoleh melalui soalan soal selidik telah dianalsis menggunakan perisian IBM SPSS versi 23 (*Statistical Package for the Social Sciences*). Melalui perisian ini, skor min pengaruh media sosial terhadap penulisan karangan murid tahun lima akan dikenal pasti. Selain itu, skor min cara yang dikenal pasti untuk mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima dapat ditentukan dengan jelas.

Dapatkan Kajian

Berikut ialah dapatan kajian yang menjawab soalan kajian i dan ii serta diikuti dengan dapatan bagi soalan kajian iii dan iv:

- i. Apakah skor min pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap penulisan karangan murid tahun lima?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam mengenal pasti pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap penulisan karangan murid tahun lima?
- iii. Apakah skor min cara yang dikenal pasti oleh guru untuk mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam mengenal pasti cara guru mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima?

Jadual 1: Statistik Deskriptif

Faktor	N	Minimum	Maksimum	Purata	Min	Sisihan Piawai
Tanda baca	35	2	4	112	3.20	.473
Imbuhan	35	2	4	100	2.86	.494
Kata pemeri	35	3	4	134	3.83	.382
Kata sendi	35	3	4	116	3.31	.471
Struktur ayat	35	3	4	114	3.26	.443
Ejaan	35	2	3	86	2.46	.505
Bahasa singkatan	35	1	2	53	1.51	.507
Mirip bahasa penulisan	35	2	4	95	2.71	.519
Perbendaharaan kata terhad	35	3	4	124	3.54	.505
Simbol	35	1	3	52	1.49	.562
Aplikasi media sosial	35	3	4	109	3.11	.323
Bahasa carutan/makian	35	1	2	38	1.09	.284
Bahasa Slanga	35	2	3	78	2.23	.426
Kesedaran	35	1	3	72	2.06	.416
Kebergantungan murid	35	3	4	125	3.57	.502
n						
35						

Jadual di atas menunjukkan bacaan Min pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima. Pandangan guru berdasarkan pernyataan murid menggunakan tanda baca yang salah dalam penulisan seperti noktah, koma, tanda sempang, tanda tanya, tanda seru, tanda pengikat kata, noktah bertindih, garis condong dan tanda kurung merekodkan ($\text{Min}=3.20$, $\text{SP}= .048$) iaitu pada tahap sederhana.

Pandangan guru bagi pernyataan murid menggunakan imbuhan yang salah mencatatkan ($\text{Min}=2.86$, $\text{SP}= .49$). Seterusnya ialah berkaitan item yang menyatakan murid gagal membezakan penggunaan kata pemeri ‘ialah’ dan ‘adalah’. Bagi item ini, ($\text{Min}=3.83$, $\text{SP}= .38$) iaitu berada pada tahap tinggi. Pandangan guru terhadap murid menggunakan kata sendi yang salah memperoleh ($\text{Min}=3.31$, $\text{SP}= .47$). Item seterusnya menguji pandangan guru berhubung pernyataan murid menggunakan struktur ayat yang salah dalam penulisan karangan mencatatkan ($\text{Min}=3.26$, $\text{SP}= .44$).

Murid menggunakan ejaan yang salah dalam penulisan karangan merekodkan ($\text{Min}=2.46$, $\text{SP}= .51$). Pandangan guru berhubung pernyataan murid menggunakan singkatan seperti ‘yg’ dalam penulisan karang mencatatkan ($\text{Min}=1.51$, $\text{SP}= .51$). Ini memberi gambaran kepada pengkaji bahawa guru tidak bersetuju dengan pernyataan berkenaan. Item seterusnya berhubung penggunaan bahasa penulisan yang mirip kepada komunikasi dalam media sosial. Bacaan ($\text{Min}=2.71$, $\text{SP}= .52$) telah direkodkan untuk item berkenaan.

Kesalahan dan kelemahan tatabahasa yang lain ialah murid mempunyai perbendaharaan kata yang terhad ($\text{Min}=3.54$, $\text{SP}= .51$), murid menggunakan simbol tertentu untuk menyampaikan maksud ($\text{Min}=1.49$, $\text{SP}= .56$) dan murid mempunyai sekurang-kurangnya satu aplikasi media sosial ($\text{Min}=3.11$, $\text{SP}= .32$). Pandangan guru tentang pernyataan murid berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu rendah seperti carutan dan maki hamun digunakan semasa berkomunikasi di media sosial dalam penulisan karangan mencatatkan ($\text{Min}=1.09$, $\text{SP}=28$). Item ini merekodkan bacaan Min yang paling rendah antara 15 item yang diuji dalam dimensi B.

Pandangan guru berhubung item yang menyatakan murid menggunakan bahasa slanga dan dialek daerah dalam penulisan karangan mencatatkan ($\text{Min}=2.23$, $\text{SP}= .43$). Murid mempunyai kesedaran yang tinggi tentang perlunya menggunakan Bahasa Melayu dengan betul memperoleh ($\text{Min}=2.06$, $\text{SP}= .42$) manakala item yang terakhir, iaitu pernyataan tentang murid hanya bergantung sepenuhnya kepada pembelajaran di sekolah untuk menguasai penulisan karangan memperoleh ($\text{Min}=3.57$, $\text{SP}= .50$).

Jadual 2: Statistik Satu Sampel

Statistik Satu Sampel				
	N	Min	Sisihan Piawai	Std. Ralat Min
Purata	15	93.87	29.66	7.66

Jadual 2 menunjukkan purata ($\text{Min}=93.87$) bagi 15 item yang diuji dalam dimensi B iaitu pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima. Sisihan Piawai pula adalah sebanyak 29.66 dan Standart Ralat Min ialah 7.66.

Jadual 3: Ujian-t Satu Sampel

t	Nilai diuji = 18					
	Darjah kebebasan df	Nilai Sig	Perbezaan min	95% Aras Kebolehpercayaan		
				Bawah	Atas	
Purata	9.91	14	.000	75.87	59.44	92.29

*Signifikan pada aras $P < 0.05$

Dalam Ujian-t Satu Sampel yang dilakukan ini, penyelidik telah menentukan saiz sampel untuk diuji. Antara faktor yang diberi pertimbangkan oleh penyelidik dalam menentukan saiz sampel ini ialah ketepatan, jenis ujian statistik dan saiz populasi. Menurut (Cohen, Manion dan Morrison, 2001), penentuan saiz sample seharusnya mengambil kira aras kesignifikanan dan ralat persampelan. Penulis-penulis tersebut menentukan saiz sampel dengan mengambil kira aras kesignifikanan pada $p<.05$ (aras kebolehpercayaan=95%) dan $p<.01$ (aras kebolehpercayaan =99%).

Dalam Ujian-t Satu Sampel, pengkaji telah memilih $p<.05$ (aras kebolehpercayaan =95%). Selain itu, pengkaji boleh memilih cara penentuan saiz sampel Krejcie & Mogan (1970) atau Cohen (1992) mengikut keperluan. Berdasarkan hasil dapatan, skor min sampel pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima yang dikenal pasti ialah 93.87 lebih tinggi berbanding

skor min populasi iaitu 75.87. Ini menunjukkan bahawa skor min purata sampel adalah lebih besar daripada nilai hipotesis.

Dalam analisis yang dijalankan ini, pengkaji telah memilih 18 sampel untuk diuji. Dapatkan kajian Ujian-t Satu Sample adalah signifikan kerana $t(14) = 9.91$, $p < .05$. Keputusan ini berjaya menolak Hipotesis Null dan menerima Hipotesis Alternatif. Oleh itu Hipotesis Null ditolak. Ini menunjukkan bahawa, terdapat perbezaan yang signifikan dalam mengenal pasti pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima.

Jadual 4 di bawah menunjukkan skor min cara yang dikenal pasti oleh guru untuk mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima.

Jadual 4: Statistik Deskriptif

Cara mengatasi	N	Minimum	Maksimum	Purata	Min	Sisihan Piawai
Pembetulan	35	3	4	135	3.86	.355
Kuasai format	35	3	4	123	3.51	.507
Kem pengajaran	35	3	4	120	3.43	.502
Teguran	35	3	4	129	3.69	.471
Merujuk buku	35	3	4	119	3.40	.497
Menyalin karangan	35	3	4	118	3.37	.490
Ayat lisan kepada tulisan	35	3	4	122	3.49	.507
Semak teliti	35	3	4	132	3.77	.426
Bimbingan individu/kump	35	3	4	137	3.91	.284
Ganjaran	35	3	4	121	3.46	.505
Tatabahasa betul	35	3	4	124	3.54	.505
Bahan kreatif	35	3	4	114	3.26	.443
Pamerkan hasil murid	35	3	4	119	3.40	.497
Bilik darjah diurus	35	3	4	124	3.54	.505
Pendekatan sesuai	35	3	4	126	3.60	.497
N	35					

Jadual di atas menunjukkan bacaan Min, cara yang dikenal pasti oleh guru untuk mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima. Terdapat 15 pernyataan berhubung cara guru mengatasi kesalahan dan

kelemahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid. Item ini terkandung dalam dimensi C dalam soal selidik yang diedarkan kepada guru. Min untuk item yang menyatakan bahawa guru mengarahkan murid membuat pembetulan dalam setiap latihan penulisan yang dihasilkan oleh murid merekodkan skor (Min=3.86, SP=.36).

Skor Min ini berada pada tahap tinggi kerana terletak antara 3.67 hingga 5.00. Responden menyatakan tahap persetujuan dengan memilih skala 3 dan 4 iaitu setuju dan sangat setuju. Skor min bagi pernyataan guru menguasai semua format penulisan berdasarkan sukan pelajaran ialah (Min=3.51, SP=.51). Berdasarkan jadual berkenaan, didapati tahap persetujuan responden mencatatkan pilihan skala minimum 3 dan maksimum,4.

Bagi menjamin keberkesanan pengajaran yang disampaikan, sememangnya guru memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan setiap kemahiran yang terkandung dalam Dokumen Standart Kurikulum dan Pentaksiran berjaya disampaikan dan dikuasai oleh murid. Skor Min seterusnya merujuk kepada pernyataan bahawa guru membuat teguran setiap kali murid melakukan kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan. Skor Min untuk pernyataan ini ialah (M=3.69, SP=.47). Interpretasi skor Min untuk pernyataan berkenaan menunjukkan Min berada pada peringkat tinggi.

Bagi memastikan setiap kesalahan yang dilakukan oleh murid tidak berulang, teguran guru khususnya semasa menanda hasil karangan murid amat penting. Dengan cara ini, murid akan sedar akan kesalahan yang dilakukan serta dapat mengelakkan murid daripada mengulangi kesalahan yang sama dalam latihan yang lain. Pernyataan seterusnya adalah berkaitan cara guru mengatasi masalah murid lemah dalam penguasaan menulis karangan dengan merujuk kepada buku rujukan yang sesuai. Skor Min bagi pernyataan ini ialah (Min=3.40, SP=.50). Skor ini menunjukkan min yang diperoleh berada pada tahap sederhana.

Tahap persetujuan responden berdasarkan pernyataan ini terletak pada skala 3 dan 4. Data ini menunjukkan, responden *Setuju* dan *Sangat Setuju* akan pernyataan tersebut. Guru seharusnya berusaha memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam pengajaran yang disampaikan. Langkah yang boleh diambil oleh guru adalah dengan kerap membuat rujukan dan penelitian bagi mengetahui teknik yang sesuai untuk digunakan di dalam kelas. Dapatkan yang seterusnya ialah skor Min untuk pernyataan bahawa guru meminta murid menyalin karangan yang terdapat dalam buku teks atau buku kerja untuk melatih murid menguasai karangan dengan baik. Skor Min untuk pernyataan ini ialah (Min=3.37, SP=.50).

Aktiviti menyalin semula karangan merupakan aktiviti yang kerap dilakukan oleh guru khususnya pada peringkat awal bagi memperkenalkan format penulisan sesuatu jenis karangan. Buku teks dijadikan rujukan utama kerana format yang diguna pakai dalam peperiksaan adalah berdasarkan format yang terdapat dalam buku teks. Oleh itu, guru tidak perlu membuang masa mencari format terkini yang perlu diajarkan kepada murid. Skor Min untuk pernyataan ini berada pada peringkat sederhana kerana terletak antara 2.34 hingga 3.66. Pernyataan yang menyatakan bahawa guru meminta murid membina ayat secara lisan berdasarkan gambar sebelum dipindahkan kepada tulisan bertujuan supaya guru dapat membetulkan kesilapan sekiranya berlaku merekodkan bacaan (Min=3.49, SP=.51).

Berdasarkan jadual berkenaan, didapati tahap persetujuan responden terletak pada skala 3 dan 4. Aktiviti berkenaan merupakan cara yang dapat membantu guru mengatasi kesalahan atau kelemahan tatabahasa yang berlaku dalam penulisan karangan murid. Apabila murid membina ayat secara lisan, guru dapat mendengar dan mengenal pasti kesalahan yang berlaku.

Kesalahan berkenaan boleh dibetulkan pada ketika itu dan apabila murid memindahkan ayat berkenaan dalam bentuk tulisan, ayat tersebut telah mantap dan gramatis. Item seterusnya ialah pernyataan bahawa guru menilai hasil karangan murid dengan teliti supaya setiap kesalahan yang dilakukan dapat dikenal pasti dan diperbetulkan. Skor ($\text{Min}=3.77$, $\text{SP}= .43$) telah direkodkan dan berdasarkan interpretasi skor Min, skor ini berada pada tahap tinggi kerana terletak antara 3.67 hingga 5.00. Tahap persetujuan responden berada pada skala 3 dan 4 iaitu merujuk kepada *Setuju* dan *Sangat Setuju*.

Karangan murid seharusnya disemak dengan teliti supaya murid mengetahui kesalahan tatabahasa yang dilakukan dan kesalahan idea yang tidak menepati tugas. Jika guru mengambil mudah soal menyemak hasil kerja murid, kesannya pasti menyebabkan murid secara berterusan mengulangi kesalahan yang sama dan apabila mereka menjawab soalan dalam peperiksaan awam, khususnya UPSR, sudah pasti murid akan memperoleh markah yang jauh lebih rendah berbanding markah yang diberikan oleh guru yang mengajar. Hal ini berlaku kerana, penilaian di peringkat pusat pasti lebih terperinci yang dilaksanakan oleh pemeriksa-pemeriksa yang berpengalaman dari seluruh negara.

Berdasarkan skor Min item berkenaan, dapat diperhatikan bahawa responden yang menjawab soal selidik ini mengakui bahawa karangan murid sememangnya dinilai dengan teliti. Pernyataan bahawa guru memberikan bimbingan kepada murid secara individu dan kumpulan telah disenaraikan sebagai cara mengatasi kesalahan atau kelemahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima. Skor Min bagi pernyataan ini ialah ($\text{Min}=3.91$, $\text{SP}= .28$). Skor Min bagi pernyataan ini merupakan skor Min tertinggi yang dicatatkan bagi 15 item yang diuji dalam dimensi ini. Ini memberikan gambaran bahawa responden yang terlibat dalam kajian ini sememangnya melaksanakan sesi bimbingan yang dilakukan secara individu dan berkumpulan.

Bimbingan kepada murid amat penting kerana murid terdiri daripada pelbagai latar belakang. Bagi yang berkemampuan, murid berkenaan mungkin akan dihantar oleh penjaga bagi mengikuti kelas-kelas tambahan di luar waktu persekolahan namun bagi yang tidak mempunyai kemampuan, bimbingan daripada guru yang mengajar di dalam kelas amat diharapkan. Bimbingan secara individu akan memberikan lebih keyakinan khususnya kepada murid sederhana dan lemah. Bimbingan dengan cara ini akan memberikan lebih kefahaman kerana murid lebih selesa untuk menyatakan sebarang masalah atau kemahiran yang gagal dikuasai dengan baik.

Bimbingan secara berkumpulan pula menyediakan satu medium untuk murid bertukar-tukar pandangan dengan rakan sekelas. Pernyataan seterusnya yang dikemukakan ialah guru memberikan ganjaran apabila murid menunjukkan peningkatan prestasi dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Skor Min untuk pernyataan ini ialah ($\text{Min}= 3.46$, $\text{SP}= .51$). Berdasarkan jadual, didapati skala minimum yang dipilih oleh responden ialah 3 dan skala minimum ialah 4. Ganjaran yang diberikan oleh guru mampu untuk menaikkan semangat murid untuk terus berusaha dan mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan konsisten.

Item, seterusnya mengandungi pernyataan bahawa guru mengingatkan murid supaya menggunakan tatabahasa yang tepat dalam komunikasi secara lisan atau tulisan. Bacaan Min untuk pernyataan ini ialah ($\text{Min}=3.54$, $\text{SP}= .51$). Responden memberikan jawapan pada skala 3 dan 4 untuk pernyataan berkenaan. Skor Min itu berada pada tahap sederhana. Skor Min untuk pernyataan bahawa guru mengamalkan sifat kreatif dalam menyediakan bahan rangsangan yang sesuai dijadikan panduan oleh murid dalam menghasilkan karangan yang baik

ialah ($\text{Min}= 3.26$, $\text{SP}= .44$). Guru yang dapat menghasilkan bahan rangsangan yang berkesan di samping penggunaan teknik yang sesuai dapat membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik.

Skor Min untuk pernyataan bahawa guru mempamerkan hasil karangan murid yang berkualiti supaya dapat dijadikan panduan kepada murid lain memperoleh skor ($\text{Min}=3.40$, $\text{SP}= .05$). Skor ($\text{Min}=3.54$, $\text{SP}= .51$) direkodkan untuk pernyataan bahawa guru memastikan pengelolaan bilik darjah diurus dengan sempurna supaya dapat menimbulkan suasana yang ceria dan dapat menggalakkan aktiviti pembelajaran tatabahasa dengan berkesan. Pernyataan yang terakhir yang terdapat dalam dimensi C iaitu berkaitan cara mengatasi kesalahan atau kelemahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima merekodkan ($\text{Min}=3.60$, $\text{SP}= .50$). Pernyataan berkenaan menyatakan bahawa guru merancang dan menggunakan pendekatan yang sesuai untuk menyampaikan isi pembelajaran tentang aspek tatabahasa.

Jadual 5: Statistik Satu Sampel

	N	Min	Sisihan Piawai	Std. Ralat Min
Purata	15	123.53	7.25	1.87

Pada output pertama, terdapat 15 cara yang dikemukakan dalam soal selidik berkaitan cara mengatasi pengaruh media sosial terhadap aspek tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima. Berdasarkan Jadual 4.22 rata-rata responden telah menyatakan Sangat setuju (4) dan Setuju (3) sebagai pilihan jawapan dalam soal selidik yang telah dijawab. Berdasarkan output Ujian-t Satu Sampel, virabel jumlah data (N) adalah 15, purata min secara keseluruhannya adalah 123.53, sisihan piawai menunjukkan kepelbagaiannya keputusan dalam data adalah 7.25 manakala Standard ralat Min adalah 1.87.

Jadual 6: Ujian-t Satu Sampel

	Nilai diuji = 18					
	t	df	Sig. (2-tailed)	(2-Perbezaan Min)	95% Aras kebolehpercayaan	
PURATA	56.38	14	.000	105.53	101.52	109.55

*Signifikan pada aras $P < 0.05$

Ujian-t satu sampel adalah signifikan, ($t(14)=56.38$, $p<.05$). Ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam mengenal pasti cara guru mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima. Kajian ini telah berjaya menolak Hipotesis Null dan menerima Hipotesis Alternatif. Min sampel, 123.53 adalah lebih tinggi berbanding min populasi, 105.53.

Perbincangan

Penggunaan bahasa di media-media sosial yang tidak mementingkan elemen tatabahasa yang tepat menjadi sebatи akibat kekerapan murid melayari media sosial berkenaan. Hal ini membentuk kepada tabiat berbahasa yang kurang tepat tanpa kita sedari. Kebiasaan terbentuk akibat kekerapan berlakunya pengulangan ketika melayari media sosial sehingga terbawabawa dalam penulisan karangan murid.

Dapatan kajian ini serta kaitan kajian yang terdahulu berhubung perkara ini adalah seiring dengan dengan prinsip dalam teori Interaksionalis yang menjadi landasan dalam kajian ini. Prinsip teori ini menyatakan bahawa persekitaran luaran dan faktor bawaan semula jadi memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Media sosial ini merupakan faktor luaran yang tidak boleh disangkal mampu menimbulkan pengaruh kepada penulisan karangan murid.

Ledakan teknologi yang berlaku khususnya penggunaan aplikasi media sosial memberikan cabaran kepada guru dan murid dalam usaha menguasai kemahiran bahasa. Selain tahap kecerdasan dan psikologi yang rencam, faktor faktor lain seperti genetik, kecacatan fizikal, kecacatan fizikal, persekitaran dan sebagainya membawa kesan kepada keupayaan murid untuk mengigati dan menguasai kemahiran yang disampaikan oleh guru. Oleh itu, guru perlu sentiasa bertindak proaktif dalam membantu murid berdepan cabaran yang berlaku.

Selain itu, dalam usaha memastikan murid berminat dengan pengajaran yang disampaikan oleh guru, guru perlu memiliki kemahiran menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Terdapat pelbagai pendapat mengenai maksud pengajaran berkesan. Pengajaran berkesan boleh ditafsirkan sebagai kemahiran seorang pengajar atau guru yang memiliki pengetahuan yang luas dan mendalam mengenai sesuatu bidang pengetahuan serta mempunyai kemahiran atau teknik profesional yang tinggi. Pengajaran yang berkesan menuntut guru untuk memahami isi kandungan sesuatu mata pelajaran dan memiliki ilmu pengetahuan mengenai topik dan perkara yang hendak diajar.

Tidak dinafikan bahawa sebilangan besar guru pada hari ini sudah membuat anjakan paradigma dengan mengubah corak pengajaran kepada aktiviti yang berpusatkan murid dan sentiasa berusaha memastikan anak didik mereka berjaya memperoleh ilmu dan kemahiran yang disampaikan. Ini jelas terbukti berdasarkan dapatan statistik bagi 15 pernyataan berkaitan cara guru mengatasi kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan, dilihat bahawa semua pernyataan yang dikemukakan mendapat respond yang positif.

Keputusan ini jelas memberikan gambaran kepada kita bahawa responden yang terdiri daripada guru yang mengajarkan bahasa Melayu sentiasa berusaha ke arah mengatasi kesalahan tatabahasa yang kerap berlaku dalam penulisan karangan anak murid mereka. Guru sememangnya bersemangat dan sentiasa ke arah inovasi dengan mengambil langkah-langkah positif dalam mengatasi sesuatu masalah yang timbul dalam kalangan murid. Guru merupakan golongan yang berperanan untuk mendidik generasi masa depan. Tugas utama guru ialah menjadi orang yang pertama menyalurkan maklumat dan mengasah kemahiran murid dalam apa juga bidang khususnya bidang bahasa.

Cadangan

Kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid tahun lima. Kajian lanjutan yang boleh dicadangkan sebagai kesinambungan daripada tajuk ini ialah dengan mengkaji pengaruh media sosial terhadap pembentukan ayat dalam penulisan murid tahun lima di Negeri Sembilan. Sampel kajian akan melibatkan lebih ramai guru bahasa Melayu dari seluruh Negeri Sembilan.

Walau bagaimanapun, prosedur untuk menentukan saiz sampel perlu dipatuhi. Dalam realiti sebenar, penentuan saiz sampel melibatkan pertimbangan antara ketepatan, kos, jenis

ujian statistik, ciri-ciri variable dan saiz populasi. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan kelas pertama, amalan menjalankan penyelidikan seharusnya dibudayakan. Seiring dengan itu, usaha memperkuuh bahasa Melayu perlu terus dilaksanakan untuk memastikan bahasa Melayu terus dimartabatkan dengan mengkaji faktor-faktor yang mampu menggugat peranan bahasa Melayu di negara kita.

Penutup

Pengaruh media sosial sememangnya wujud dalam penulisan karangan murid. Dapatan ini tidak boleh disangkal lagi berdasarkan analisis soal selidik yang telah dijalankan. Namun begitu, pernyataan bahawa murid menggunakan bahasa carutan dan makian serta penggunaan simbol tertentu dalam penulisan tidak dipersejui oleh responden yang terdiri daripada guru bahasa Melayu. Ini membuktikan bahawa, tahap pengaruh yang ditimbulkan oleh media sosial dalam penulisan murid masih boleh diperbaiki dengan syarat adanya usaha bersepada daripada pelbagai pihak. Semua pihak perlu memainkan peranan bagi memastikan bahasa Melayu terus kekal utuh dalam arus globalisasi masa kini.

Gejala pencemaran bahasa yang berlaku dari sekolah rendah lagi perlu sama-sama kita tangani. Tanggung jawab ini tidak seharusnya kita galaskan di bahu para guru sahaja tetapi setiap entiti dalam masyarakat perlu turut sama berfungsi. Kesilapan dan kecelaruan bahasa yang berlaku dengan meluas dalam kehidupan hari ini pasti akan menyumbang kepada kemerosotan bahasa Melayu. Kita tidak dapat lari daripada perubahan yang berlaku khususnya yang melibatkan jaringan Internet yang tidak tergugat dengan batasan jarak dan masa. Generasi muda hari ini perlu diberi kesedaran tentang perlunya mempunyai jati diri dan semangat cintakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan,bahasa ilmu dan bahasa perpaduan. Elemen yang merosakkan bahasa perlu dijauhi dan dihentikan penggunaannya dalam apa sahaja bentuk komunikasi sama ada secara lisan atau tulisan. Kebiasaan menggunakan gaya bahasa yang tidak tepat dan terpengaruh dengan bahasa asing perlu dihentikan supaya gejala ini tidak terus berakar umbi dalam kehidupan kita.

Rujukan

- Ab. Halim T. & Zarin., I. (2006). Hubungan media massa dengan pegangan akhlak dan pengajaran pendidikan islam: Satu kajian remaja di sabak bernam. Prosiding Wacana Pendidikan Islam siri ke-5. UKM. Bangi: Fakulti Pendidikan, 1-8.
- Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad. (2012). Kaedah pengajaran Bahasa Melayu. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Aina Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim & Noor Aida Mahmor. (2016). Slogan iklan dalam majalah: Yang tersurat dan tersirat. International Seminar on Generating Knowledge Through Research. Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 1-11 ISSN. 2548-6160
- Anang Sugeng Cahyono. (2016). Pengaruh media sosial terhadap perubahan sosial masyarakat Indonesia. www.jurnal-unita.org/index.php/publiciana/article/download/.../73.
- Andreas M. Kaplan & Michael Haenlein. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. The International Journal on Media Management., 59-68.
- Awang Sariyan. (1992). Asas penulisan deskriptif. Kuala Lumpur: Menara Ilmu.
- Awang Sariyan. (2007). Santun berbahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azlinda Abdul Rahman. (2013). Bahasa Melayu: Antara peluasan, penyempitan dan kecelaruan. My Jurnal. Universiti Putra Malaysia.
- Basri, N. H. (2009). Teori bahasa: Implikasinya terhadap pengajaran tatabahasa. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bloom, B. S., 1968. Learning for mastery. centre for the study of evaluation and instructional programs. University of California, Vol. 1, No. 2.
- Chua, Y. P. (2014). Kaedah penyelidikan. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Fatimah Akmal & Ali Salman. (2015). Partisipasi politik belia secara 'online' melalui ruang demokrasi maklumat media baru. Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 31(1).
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Saadi'ah Ma'alip. (2015). Pemilihan bahasa dalam komunikasi di laman sosial. Jurnal Komunikasi.
- Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin & Nuraini Yusoff. (2017). Kata Ciptaan' remaja personaliti 'Neurotisme' di blog. GEMA Online® Journal of Language Studies.
- Nik Hassan Basri bin Nik Ab. Kadir. (2009). Teori bahasa: Implikasinya terhadap pengajaran tatabahasa. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim. (2004). Tatabahasa dewan edisi baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani. (2007). Pengantar psikolinguistik. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod, Nor Azwa Hanum Nor Shaid. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan bahasa melayu pelajar sekolah menengah. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ).
- Siti Ezaileila Mustafa & Azizah Hamzah. (2011). Media baharu yang baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial dalam Kalangan Pengguna di Malaysia. Jurnal Pengajian Media Malaysia 13(2):93-110.
- Snow, C. E. (1972). Mother's speech to children learning language. Child Development 43. 65–549.
- Snow , C. E. (1977). The development of conversation between mother and babies. Journal of Child Language. (In Press).
- Za'ba, (1965). Ilmu mengarang melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.